**From:** UUM CORPORATE COMM.
**Sent on:** Monday, 13 February, 2023 10:34:42 AM
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students
**Subject:** PENTADBIR HEPA UNIVERSITI AWAM BERMESYUARAT DI LANGKAWI

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

13 FEBRUARI 2023 / 22 REJAB 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohammed

**PENTADBIR HEPA UNIVERSITI AWAM BERMESYUARAT DI LANGKAWI**




**UUM ONLINE** : Semua 20 Universiti Awam (UA) dan Rektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) serta beberapa wakil dari universiti swasta memulakan Mesyuarat Sekretariat Timbalan-Timbalan Naib Canselor / Timbalan Rektor (HEPA) UA kali ke-226 di Langkawi Jumaat lalu.

Timbalan Naib Canselor HEPA UUM, Prof Dr Ahmad Martadha Mohamed ketika ditemui berkata, mesyuarat secara berkala semua universiti di bawah TNC ini akan berbincang mengenai isu pelajar dan alumni nanti.

Katanya, mesyuarat juga akan berbincang mengenai isu berbangkit dari masa ke semasa termasuk arahan dan peraturan terkini oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) atau kerajaan.

“Mesyuarat sebegini sangat penting kerana inilah platform di mana semua UA dan beberapa universiti swasta yang terpilih akan berbincang berkaitan dengan pelaksanaan dasar- dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan

dan dilaksanakan pula oleh semua universiti," ujarnya.

Dalam masa yang sama mereka juga akan berbincang mengenai hal ehwal pelajar yang merangkumi kebajikan, perumahan dan keselamatan pelajar.

Mesyuarat ini juga dilihat akan berjalan lancar dengan kehadiran wakil dari kementerian yang akan memberi pandangan mengenai hala tuju KPT kepada semua universiti.

Dr Ahmad Martadha menambah bagi memastikan perjalanan mesyuarat ini berjalan lancar UUM sebagai tuan rumah dan sekretariat mesyuarat akan berusaha sebaik mungkin agar ianya berjalan lancar dan tersusun seperti yang diharapkan.

"Saya juga mengharapkan doa dari semua warga kampus UUM agar mesyuarat ini akan berjalan lancar seperti yang dirancang," sambungnya lagi.




UUM Consider
UUM Footer

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.